

15 NOV 1996

Mahathir-Wakil

MALAYSIA DAN PERANCIS LANTIK WAKIL KHAS BAGI RAPATKAN HUBUNGAN

Oleh: Wan A. Hulaimi

PARIS, 15 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hubungan Malaysia-Perancis akan meningkat lagi dengan perlantikan wakil khas oleh kedua-dua kerajaan bagi merapatkan lagi hubungan antara kedua-dua pemimpin itu.

Wakil Khas Malaysia dalam hubungan baru itu ialah Tan Sri Ahmad Kamil Jaafar, bekas Ketua Setiausaha Kementerian Luar yang sekarang memegang jawatan wakil khas kerajaan Malaysia dalam hubungan antarabangsa.

Serentak dengan itu, kerajaan Perancis juga telah melantik seorang wakil khas untuk meningkatkan hubungan dengan Malaysia. Beliau ialah Jean Claude Paye, bekas Setiausaha Agong Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD).

Pengumuman itu dibuat oleh Dr Mahathir selepas pertemuan selama satu setengah jam dengan Presiden Jacques Chirac di Istana Elysee pagi ini.

"Dengan ini kita bersetuju melantik wakil kita yang akan membolehkan kita mengadakan hubungan langsung dengan Presiden Chirac tentang apa-apa masalah," kata, Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata, perlantikan itu dibuat atas permintaan Chirac.

"Dengan ini kita bersetuju melantik wakil kita yang akan membolehkan kita mengadakan hubungan langsung dengan Presiden Chirac tentang apa-apa masalah," kata Dr Mahathir yang didampingi oleh Ahmad Kamil pada sidang berita selepas pertemuan itu.

Pertemuan Dr Mahathir dengan Chirac pagi ini telah dijadualkan selama setengah jam, tetapi mengambil masa selama satu jam setengah.

Semasa pertemuan itu, Dr Mahathir dan Chirac membincangkan isu-isu yang meliputi Asia, Afrika, Asean, Asia Barat, Bosnia dan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Bagaimanapun kesuntukan masa tidak mengizinkan perbincangan yang lebih panjang tentang isu dua-hala Malaysia-Perancis, kata Dr Mahathir.

Semasa menghuraikan lagi pandangannya tentang Malaysia dan Perancis, Dr Mahathir berkata, hubungan antara kedua-dua buah negara itu belum matang dan ini akan dipertingkatkan lagi pada sektor kerajaan dan bukan kerajaan.

Dr Mahathir juga menegaskan hasratnya supaya lebih ramai penuntut Malaysia belajar Bahasa Perancis untuk mengadakan hubungan yang lebih rapat dengan negara-negara yang menggunakan bahasa itu.

"Kita menggalakkan penguasaan bahasa kedua, sekurang-kurangnya kita akan mempunyai penuntut yang fasih dalam bahasa kebangsaan dan bahasa Perancis di samping penuntut-penuntut yang fasih dalam Bahasa Inggeris," katanya.

Dr Mahathir juga berkata bahawa beliau telah mengulangi hasratnya yang disuarakan di perjumpaan Asean-Eropah di Bangkok, Mac lepas supaya penuntut Eropah pula datang belajar di Asia supaya mereka memahami dengan lebih mendalam bahasa dan budaya kita.

Apabila ditanya tentang permintaan Presiden Chirac untuk melantik wakil khas antara Malaysia-Perancis, Dr Mahathir berkata antara presiden-presiden Perancis sehingga ini, Chirac sahaja yang menunjukkan minat yang lebih terhadap Timur Jauh.

Chirac berpendapat ASEAN ialah suatu konsep yang baik dan Eropah mesti melibatkan diri dengan lebih lagi di Asia, kata Dr Mahathir.

"Perdagangan antara Perancis dan Asia Timur lebih besar daripada perdagangannya dengan Amerika Syarikat," kata Dr Mahathir lagi.

Dr Mahathir akan berlepas ke Britian petang ini untuk melawat kilang

kereta Lotus di Norwich, di Timur Laut England. Proton telah membeli saham majoriti 80 peratus dalam syarikat itu baru-baru ini dengan harga lebih RM200 juta. -- BERNAMA

WAH PR